

23 OCT 2003

APEC-RANGKUMAN/I

APEC BANGKOK BERJAYA TERUSKAN AGENDA PERDAGANGAN

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 23 Okt (Bernama) -- Hakikat bahawa para pemimpin di sidang kemuncak APEC yang baru berakhir lalu telah memberikan keutamaan kepada pemulaan semula rundingan pusingan Doha Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menunjukkan bahawa mesyuarat itu sedikit sebanyak tetap mencapai hasilnya meskipun kejayaan Amerika Syarikat membawa isu-isu keselamatan menjadi satu agenda utama.

Ini menunjukkan bahawa Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sekurang-kurangnya masih mampu berpegang kepada matlamat asalnya menggalakkan isu-isu ekonomi meskipun terpaksa menyimpang daripada landasannya untuk menyesuaikan dengan kehendak AS yang mendesak keperluan untuk membincangkan isu-isu keselamatan.

Para pemimpin bersetuju memberi keutamaan kepada sistem dagangan pelbagai hala apabila isu WTO terkandung dalam muka surat hadapan Deklarasi APEC Bangkok.

Mereka juga menekankan kepentingan bagi keazaman politik yang fleksibel oleh kerajaan-kerajaan untuk memulakan semula Agenda Pembangunan Doha (DDA).

Bagaimanapun isu-isu ekonomi lain seperti membentuk semula kerangka kewangan global dan bon Asia kurang diberi perhatian. Malahan agenda Thailand bagi mempercepatkan perdagangan bebas pada satu tarikh yang lebih awal untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di Sidang Kemuncak APEC Bogor kurang mendapat sambutan kerana negara-negara anggota mahu bergerak pada kadar yang mereka rasa selesa.

AS memberi tekanan dengan mendesak agenda keselamatan dimasukkan ke dalam rundingan APEC Bangkok kerana ia mahu menekankan peranannya dalam memerangi keganasan.

Presiden George W. Bush berjaya dalam kempennya untuk mendapatkan Deklarasi Apec Bangkok menggariskan tindakan menghapuskan keganasan transnasional dan membendung percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

Ini termasuklah mengguna pakai kawalan eksport domestik yang ketat ke atas sistem pertahanan udara mudah alih (MANPADS) dan kerjasama antara Pasukan Tugas Khas Memerangi Keganasan APEC, Pasukan Tindakan Memerangi Keganasan (CTAG) Kumpulan Lapan (G8), Jawatankuasa Memerangi Keganasan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi berkaitan lain.

Malaysia menolak keras isu keselamatan diberi keutamaan dan menegaskan APEC perlu berpegang teguh kepada isu-isu perdagangan. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keselamatan penting dari segi memastikan pertumbuhan ekonomi tetapi tidak bersetuju dengan tindakan ketenteraan.

Dr Mahathir meninggalkan Sidang Kemuncak APEC terakhirnya dengan satu petikan penting: "Kita mahu perdagangan adil, bukan perdagangan bebas bagi globalisasi. Perdagangan adil boleh menjadi bebas tetapi perdagangan bebas tidak boleh menjadi adil."

Ianya jelas menunjukkan pendirian Malaysia ke arah mendapatkan perdagangan yang adil dan saksama antara negara maju dan membangun dan APEC sepatutnya hanya menjadi forum bagi perbincangan ekonomi sahaja. -- BERNAMA

SHO SHY ZK